

Graduan ISMP diserap mulai Mei

B/A 28/4/12 MSA.

4,671 bakal guru ditempatkan ke sekolah seluruh negara secara berperingkat

Oleh Johari Ibrahim
joib@bharian.com.my

PUTRAJAYA: Kementerian Pelajaran mengambil beberapa ketetapan dan penyesuaian bagi memastikan graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) daripada institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dapat diserap secara berperingkat ke sekolah bermula bulan depan, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Timbalan Perdana Menteri berkata, penempatan fasa satu akan melibatkan 4,671 graduan akan dilaksanakan pada 23 Mei ini iaitu 4,116 ditempatkan di Sekolah Menengah, Sekolah Kebangsaan (439), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) 98 dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) seramai 18 orang.

Baki 159 lagi, katanya akan ditempatkan di Sekolah Menengah dalam penempatan fasa dua pada Julai depan.

Beliau berkata, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) memanggil 5,510 graduan ISMP untuk menghadiri temu duga yang dilakukan secara berperingkat bagi menempatkan mereka di sekolah.

"Seramai 4,953 graduan hadir dan daripada jumlah itu SPP terpaksa menolak 32 graduan kerana gagal mengemukakan dokumen lengkap, manakala 557 calon dianggap menolak tawaran apabila tidak menghadiri temu duga.

"Seramai 4,859 graduan berjaya dalam temu duga, manakala 62 gagal kerana tidak memenuhi empat elemen dinilai iaitu keterampilan diri dan sikap, keupayaan berfikir dan kemahiran berkomunikasi, pengetahuan am dan isu semasa pendidikan serta pengetahuan bidang tugas," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau yang juga Menteri Pelajaran berkata, daripada 4,859 gra-

duan yang berjaya dalam temu duga itu, 29 diberi penempatan ke Pusat Anak Permata Negara pada 8 April lalu.

Muhyiddin berkata, pada Januari lalu juga, kementerian melantik 2,397 graduan IPTA sebagai guru interim bagi memenuhi keperluan di sekolah menengah.

"Berikutan penempatan (graduan ISMP) ini, perkhidmatan Guru Interim itu akan ditamatkan. Bagaimanapun, Guru Interim yang berjaya temu duga akan ditempatkan dan dilantik sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) pada 23 Mei depan berdasarkan keperluan pengisian mengikut opsyen pengajaran di Sekolah Menengah, Sekolah Kebangsaan, SJKC dan SJKT," katanya.

Guru Interim adalah guru yang dilantik oleh Jabatan Pelajaran Negeri bagi mengisi kekosongan sementara di sekolah kementerian yang mana perkhidmatan mereka adalah sehingga akhir 2012 dan boleh ditamatkan dengan notis sebulan apabila ada bekalan guru tetap yang diterima daripada SPP.

Mengikut rekod, graduan ISMP IPTA adalah seramai 3,017 dari Universiti Perguruan Sultan Idris, Universiti Putra Malaysia (482), Universiti Sains Malaysia (368), Universiti Kebangsaan Malaysia (330), Universiti Malaya (308), Universiti Malaysia Sabah (214), Universiti Teknologi Malaysia (185), Universiti Teknologi Mara (132), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (105), Universiti Utara Malaysia (90), Universiti Sains Islam Malaysia (54) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (53).

Mengenai status graduan pendidikan Institut Pendidikan Guru (IPG), Muhyiddin berkata, menjelang Jun depan, ada 2,484 graduan J-QAF keluaran IPG yang akan ditempatkan di Sekolah Kebangsaan selepas melalui urusan temu duga pelantikan sebagai PPPS oleh SPP terlebih dulu.

Graduan boleh melayari laman web SPP, www.spp.gov.my untuk mengetahui sama ada mereka berjaya atau tidak manakala keputusan penempatan akan diumumkan oleh kementerian dalam sedikit masa lagi.

FAKTA NOMBOR

5,510

graduan

Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dipanggil temu duga untuk diserap ke sekolah